

19 NOV 1999

Calon-Rombak

CALON BN MELAKA DIROMBAK, TUN GHAFAR DIPILIH SEMULA

MELAKA, 19 Nov (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba dinamakan sebagai calon parlimen Batu Berendam apabila rombakan dibuat ke atas senarai calon Barisan Nasional (BN) negeri Melaka bagi pilihan raya umum ke-10, 29 Nov ini.

Ghafar, 74, sebelum ini digugurkan daripada senarai yang diumumkan Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin pagi tadi di Seri Bendahara, di sini.

Tempatnya sebagai penyandang kerusi parlimen Jasin diambilalih oleh Abu Zahar yang berpindah daripada kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Merlimau.

Abu Zahar bagaimanapun petang ini mengumumkan rombakan pada senarai asal itu dan menamakan Ghafar sebagai calon di parlimen Batu Berendam bagi menggantikan Ketua Wanita Umno Bahagian Batu Berendam, Datuk Hajah Hazizah Sultan.

Bercakap kepada pemberita di Seri Bendahara, Abu Zahar berkata perubahan itu diarah oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi panggilan telefon pada tengah hari tadi.

"Saya menerima panggilan sebelum menunaikan solat Jumaat di Merlimau...supaya rombakan dibuat dengan memasukkan Tun Ghafar sebagai calon di Batu Berendam," katanya.

"Berikutan perubahan itu, calon asal yang dikemukakan BN Hazizah terpaksa mengosongkan tempat," katanya.

Ghafar baru-baru ini menyatakan kesediaan untuk tidak mempertahankan kerusi parlimen Jasin dengan mengumumkan bahawa beliau telah menyatakan hasratnya itu kepada Dr Mahathir.

Pada pilihan raya umum 1995 beliau turut menyatakan kesediaan yang sama tetapi ditolak oleh Dr Mahathir.

Abu Zahar berkata perubahan itu turut membabitkan kerusi DUN Rim.

Penyandanginya Datuk Dollah Atan yang sebelum ini dinamakan sebagai calon akan diganti oleh Ketua Wanita Umno negeri Melaka Senator Ramlah Abas.

Ramlah, 56, dipilih bagi mengisi kuota calon Wanita UMNO.

Dollah tidak serta semasa pengumuman rombakan itu di Seri Bendahara manakala Hazizah, yang berada di Seri Bendaraha, berkata bahawa beliau akur dengan sebarang keputusan yang dibuat pucuk pimpinan kerana "saya adalah penyokong parti yang setia."

Beliau yang memenangi kerusi DUN Tangga Batu pada pilihan raya umum 1995 bagaimanapun melahirkan kekecewaan dan sedih kerana diberitahu mengenai rombakan selepas senarai calon diumumkan.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata perubahan itu tidak akan menjejaskan penyokong BN di kawasan Batu Berendam.

Mohd Ali akan bertanding di kerusi DUN Paya Rumput pada kali ini.

-- BERNAMA

MOZ MYD AKD